

JPS bina benteng susulan kejadian di Sungai Bertam



Kerja pembersihan di sekitar Sungai Bertam giat dijalankan selain mengelak kejadian sama berulang.

CAMERON HIGHLANDS - Jabatan Parit dan Saliran Negeri Pahang (JPS) akan membina benteng setinggi tiga meter di kiri dan kanan Sungai Bertam, di sini sepanjang tiga kilometer bermula dari Empangan Sultan Abu Bakar.

Pengarah JPS negeri, Datuk Ir Zulkifli Hassan berkata, apabila siap nanti air yang dilepaskan dari empangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu dapat mengalir dengan lancar susulan paras air melepasi paras bahaya.

Menurutnya, kerja membina benteng, mendalam, melebar dan membaiki pulih sungai berkenaan menerusi peruntukan RM40 juta yang diluluskan kerajaan pusat itu dijangka bermula tahun depan.

"Kejadian banjir kilat dan lumpur yang berlaku Rabu lalu, ber-

ikutan air dari empangan TNB itu melimpah ke kiri dan kanan tebing sungai kerana tidak ada penampian atau benteng yang menahan pengaliran air tersebut.

"Kerja-kerja itu dijangka siap dalam tempoh dua tahun dan diharap tidak ada lagi penduduk membuat rumah di tepi tebing sungai ini," katanya di sini, semalam.

Dalam kejadian itu, tiga mangsa terdiri daripada dua pekerja asing maut dihanyutkan arus deras.

Seorang lagi penduduk tempatan maut akibat sakit jantung kerana terkejut berikutan kejadian banjir kilat yang melanda kediamannya.

Seorang lagi mangsa warga Indonesia yang masih hilang dan

gagal ditemui dan banjir kilat itu turut mencederakan penduduk serta memusnahkan lebih 80 rumah yang dibina di tebing sungai berkenaan.

Beberapa kereta penduduk dilaporkan turut mengalami kerosakan teruk akibat dihanyutkan arus deras.

Sehubungan itu, Zulkifli menasihati penduduk negeri ini agar tidak membuat rumah di tepi tebing rizab sungai yang terdapat di seluruh negeri kerana salah dan tidak diluluskan pihak berkuasa.

"Diharap penduduk negeri ini mengambil iktibar daripada kejadian banjir kilat yang berlaku di Lembah Bertam dengan tidak membina rumah pada jarak 200 meter dari tebing sungai," katanya.